

04/02/1998

Jutawan Al-Fayed cadang melabur di Malaysia

LANGKAWI, Selasa - Jutawan, Mohamad Al-Fayed, pemilik pusat beli-belah terkenal Harrods di London bersama Datuk Seri Dr Mahathir mengunjungi Langkawi hari ini untuk menerokai peluang pelaburan dan perniagaan di pulau ini.

Beliau tiba bersama Perdana Menteri dari Kuala Lumpur menaiki pesawat eksekutif kerajaan.

Sejurus tiba, jutawan kelahiran Mesir itu diberi taklimat mengenai pembangunan Langkawi dan melawat Hotel Berjaya Beach Resort serta Taman Buaya Langkawi.

Di hotel berkenaan, Al-Fayed diberi taklimat oleh Pengarah Eksekutif Berjaya Datuk Wan Adli Wan Ibrahim manakala di Taman Buaya Langkawi oleh pengerusinya, Datuk Khoo Thaw Choon.

Menurut pegawai yang mengiringi Dr Mahathir, Al-Fayed yang tiba di ibu negara semalam dijemput oleh Perdana Menteri untuk menerokai bidang pelaburan di Langkawi dan Kuala Lumpur.

Ketika melawat taman buaya, Al-Fayed meminta beberapa contoh barangan kulit buaya seperti kasut dan beg tangan wanita dipercayai untuk menjual barangan buatan Malaysia itu di pusat beli-belah terkenal miliknya di London.

(END)